

# Program Motivasi Mahasiswa Cemerlang

Oleh: Syazwani Azmi



SABTU, 16 MAC – Program Motivasi “Mahasiswa Cemerlang, Anda Berhak Hebat” diadakan di Auditorium Dewan Kuliah Pusat Baru Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini.

Pakar motivasi, Hj. Md. Taib Mat juga merupakan penulis buku “Anda Berhak Hebat” sebagai penceramah. Hadir sama Pengetua Kolej Kediaman E, Dr. Andika Aziz Hussin dan Felo

Kolej Kediaman E, La Masri Mansyur.

Objektif program bagi menyemai kemahiran generik dalam kalangan mahasiswa supaya menjadi lebih positif, membentuk softskill dan jati diri yang mantap di samping melatih diri dalam kerja berpasukan.

Selain itu program bertujuan untuk memberikan dorongan kepada mahasiswa supaya menjadi jauh lebih baik dan memotivasikan diri kearah mencapai pelajar yang cemerlang menurut Pengarah Program, Mohammad Shahrul.

Menurutnya lagi, mahasiswa tidak seharusnya melepaskan peluang menyertai program motivasi yang disampaikan

oleh pakar motivasi yang hebat kerana beliau mempunyai pengalaman kerjaya lebih dari 35 tahun.

Pihak penganjur turut mengadakan jualan buku “Anda Berhak Hebat” dengan harga RM45 senaskah.

Pelajar Tahun 2, Sekolah Sains dan Teknologi (SST), Nur Dalila Rozali menyatakan program seumpama ini sangat bermanfaat dan dapat membantu beliau memperbaiki kelemahan diri dan meningkatkan semangat untuk terus belajar menjadi seorang yang berjaya satu hari nanti.